

Air larian punca utama pencemaran sungai

Kuala Lumpur: Kajian terhadap faktor pencemaran air sungai negara ini mendapati 40 peratus berlaku daripada punca tidak tetap atau dikenali air larian iaitu air pengangkut bahan di permukaan bumi ke dalam longkang atau sungai.

Ini diikuti 30 peratus daripada punca tetap mengikut Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS) seperti loji kumbahan, kilang, tapak pelupusan sampah manakala 30 peratus lagi membabitkan punca bukan mengikut AKAS seperti ladang babi, pasar borong dan pasar basah.

Pakar Kualiti Air dan Permodelan dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Dr Zaki

Zainuddin, berkata air larian adalah air hujan yang mengangkut bahan yang mengandungi pencemar organik, ammonia, lumpur, logam berat seperti arsenik, aluminium, sekali gus menyebabkan pencemaran air dan meningkatkan keladak sungai.

Tiada undang-undang khusus

Katanya, meskipun keadaan itu berlaku di kawasan bandar dan luar bandar, belum ada undang-undang khusus mengenai air larian dan banyak bergantung kepada kesedaran sivik orang ramai.

"Kita sebagai pengguna amat bergantung kepada air sungai sebagai sumber air minuman dan kegiatan harian. Malah, lebih 90

Info

Pencemaran air sungai

→ **40 peratus daripada punca tidak tetap** iaitu air pengangkut bahan di permukaan bumi ke dalam longkang atau sungai

→ **30 peratus daripada punca tetap** seperti loji kumbahan, kilang, tapak pelupusan sampah

→ **30 peratus daripada punca bukan ikut AKAS** seperti ladang babi, pasar borong dan pasar basah

peratus bekalan air minum di negara ini adalah daripada sungai.

"Bahayanya, sistem rawatan air yang sedia ada menggunakan teknologi konvensional. Ini bermakna ada kemungkinan tidak semua bahan pencemar dirawat secara berkesan dan boleh mendatangkan risiko kepada kesihatan pengguna," katanya.

Mengandungi bahan toksik

Dalam pada itu, Zaki berkata, air larian yang mengandungi bahan toksik yang masuk ke dalam sungai boleh menyebabkan hidupan air mati.

Katanya, bahan organik yang dibawa air larian menggunakan oksigen ketika proses penguraian,

menjejaskan kandungan oksigen hidupan air.

"Tambahan pula dengan kehadiran bahan pencemar lain, seperti ammonia dan keladak, risiko kejadian ikan mati semakin meningkat," katanya.

Beliau berkata, kegiatan pembinaan, perladangan sawit dan pembalakan yang tiada pemantauan serta kawalan menyebabkan keladak semakin tinggi sehingga sistem rawatan turut terjejas.

"Sebagai contoh, sawit ditanam betul-betul di tebing sungai, sedangkan sewajarnya dijarakkan dengan tanaman tumbuh-tumbuhan lain supaya bahan ammonia sawit tidak terus masuk ke sungai," katanya.